

03 NOV 2003

MUSTAPA-KOMODITI

KOMODITI UTAMA NEGARA TIDAK TERJEJAS

JELI, 3 Nov (Bernama) -- Tindakan kumpulan pelobi Yahudi di Amerika Syarikat untuk memulau barangan Malaysia dijangka tidak akan memberi kesan besar kepada eksport komoditi utama negara ini, kata Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed.

Katanya, Amerika Syarikat bukan pasaran utama bagi getah dan kelapa sawit dan sehubungan itu usaha memboikot komoditi itu tidak akan memberi kesan.

"Tindakan ini tidak menjejaskan dan memberi kesan kepada ekonomi Malaysia kerana tumpuan pasaran komoditi itu adalah di Asia," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata, demikian bagi mengulas usaha kumpulan pelobi Yahudi, Simon Wiesenthal yang berpangkalan di Amerika Syarikat yang cuba menjejaskan sektor pelancongan dan pelaburan di Malaysia.

Tindak balas itu adalah sebahagian usaha mengutuk kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang disifatkan telah mengeluarkan kenyataan anti Yahudi semasa Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya baru-baru ini.

Mustapa juga berkata, harga getah yang kini berada paras agak tinggi dijangka kekal berterusan sehingga pertengahan tahun depan berikutan mendapat permintaan yang banyak dari China.

Katanya, ekonomi China yang membangun dengan pesat dalam industri kereta dan pembuatan memerlukan bekalan getah yang banyak dari Malaysia untuk pelbagai pembuatan produk khususnya tayar.

Begitu juga India, salah sebuah negara yang mempunyai penduduk teramai di dunia adalah pembeli terbesar minyak kelapa sawit Malaysia, katanya.

"Saya yakin usaha pelobi Yahudi ini tidak akan memberi kesan. Sebaliknya penduduk luar bandar yang mengusahakan tanaman getah dan kelapa sawit akan terus terus mendapat hasil yang memuaskan," katanya. -- BERNAMA

MNR RAR AHM